

**Kerangka Pemerkasaan Pendakwah Wanita Muallaf Di Negeri
Sembilan Melalui Analisis Profil Terperinci**

***Empowerment Framework for Reverted Woman Preachers in Negeri
Sembilan Through In-Depth Profiling Analysis***

Nik Suhaida Nik Abdul Majid
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
nik_suhaida@usim.edu.my

Suhailiza Md Hamdani
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
suhailiza@usim.edu.my

Roslizawati Mohd Ramly
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
roslizawati@usim.edu.my

Aida Nabila Sabri
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
nabila.aidasabri@gmail.com

Abstrak

Wanita memainkan peranan penting dalam masyarakat, bukan hanya mendidik keluarga tetapi juga menyebarkan nilai agama, terutama sesama wanita. Bagi wanita muallaf, cabarannya lebih besar kerana perlu menyesuaikan diri dengan agama baru serta menghadapi tekanan dari keluarga dan masyarakat. Keterlibatan mereka dalam dakwah menjadikan mereka agen penting dalam perkembangan agama, meskipun berdepan rintangan dalaman dan luaran. Kehadiran mereka mencerminkan komitmen terhadap Islam dan membuka ruang memahami potensi serta cabaran yang dihadapi. Golongan ini perlu diperkasa agar potensi mereka lebih menyerlah dan usaha dakwah akan lebih berkembang. Walaupun terdapat kajian mengenai muallaf dan dakwah wanita, penyelidikan yang menumpukan kepada wanita muallaf sebagai pendakwah masih sangat terhad. Justeru kajian ini mengemukakan kerangka pemerkasaan terhadap pendakwah wanita muallaf melalui penerokaan profil terperinci dari temubual mendalam kepada 11 sampel dan dianalisis melalui pendekatan analisis SWOT bagi mengenalpasti kekuatan, kelemahan, ancaman dan peluang yang ada pada mereka seterusnya membangunkan kerangka pemerkasaan hasil dari

Article Progress

Received: 2 Nov 2024

Revised: 17 Nov 2024

Accepted: 9 Dec 2024

* Corresponding
Authors:

**Nik Suhaida Nik
Abdul Majid**

E-mail:
*nik_suhaida@usim.ed
u.my*

naratif realiti sebenar. Hasil kajian mencadangkan pemerkasaan komprehensif personal dan professional, sokongan emosi, komuniti, kewangan, kapasiti dan teknologi. Hasil kajian ini dijangka menyumbang data empirikal dan memperkayakan bahan literatur dalam bidang ini sebagai rujukan kepada pihak berautoriti dalam mendokong dasar sosial kerajaan membangun komuniti khususnya wanita muallaf dan dasar dakwah negara dalam pemerkasaan umat Islam.

Kata Kunci: Pendakwah wanita muallaf, Negeri Sembilan, analisis SWOT, pemerkasaan dakwah, profil terperinci

Abstract

Women play a vital role in society, educating families and spreading religious values, especially among other women. For women who have reverted to Islam, the challenges are more significant, as they need to adjust to a new religion while facing pressures from family and society. Their involvement in da'wah makes them essential agents in spreading religion despite encountering internal and external obstacles. Their presence reflects a commitment to Islam and opens opportunities to understand their potential and challenges. Although there are studies on female reverters and da'wah, research focusing specifically on women reverters as da'wah practitioners remains limited. This group needs to be empowered so that their potential will be more prominent and their da'wah efforts will be more advanced. Therefore, this study presents an empowerment framework for women reverted through detailed profile exploration from in-depth interviews to 11 samples and analysed through a SWOT analysis approach to identify their strengths, weaknesses, threats and opportunities and then develop an empowerment framework based on their real narrative. The results suggest comprehensive personal and professional empowerment, emotional support, community, finance, capacity and technology. The results of this study are expected to contribute empirical data and enrich the literature in this field as a reference for the authorities in supporting the government's social policies for community development, especially reverted women and the country's da'wah policy in empowering Muslims.

Keywords: Revert Woman Preachers, Negeri Sembilan, SWOT analysis, da'wah empowerment, in-depth profiling.

Pendahuluan

Dalam konteks masyarakat Islam, peranan wanita dalam dakwah adalah amat signifikan dan tidak boleh diabaikan. Wanita Islam bukan sahaja memiliki tanggungjawab dalam membentuk keluarga yang berakhhlak mulia, tetapi juga berperanan sebagai agen perubahan dalam menyebarkan ajaran Islam sebagaimana yang dinyatakan di dalam Surah Al-Tawbah ayat 71.

3 Kerangka Pemerkasaan Pendakwah Wanita Muallaf Di Negeri Sembilan Melalui Analisis Profil Terperinci

Bagi muallaf, khususnya wanita yang menjadi pendakwah, bimbingan dan sokongan berterusan terhadap mereka adalah sangat penting kerana mereka bukan sahaja menghadapi cabaran menyesuaikan diri dengan kehidupan sebagai Muslim bahkan berusaha memahami dan mengamalkan ajaran Islam. Dengan semangat dan dedikasi tersebut, mereka bukan sahaja memperkuatkhan iman sendiri, tetapi juga menyebarkan mesej Islam kepada masyarakat. Pendakwah wanita muallaf memainkan peranan penting dalam memberikan sokongan relevan kepada sesama wanita terutamanya dalam komuniti sendiri, dan memperkasakan mereka akan memperkuatkan dakwah serta komuniti Muslim secara keseluruhan.

Walaubagaimanapun, kajian berkaitan wanita muallaf sebagai pendakwah khususnya di Malaysia masih kurang diterokai menjadikan terdapat limitasi dan jurang yang amat besar dalam kajian lepas. Maka, kajian ini bertujuan membangunkan kerangka pemerkasaan bagi golongan wanita muallaf yang menjadi pendakwah sebagai sumbangan untuk dijadikan rujukan pihak berkaitan dalam mendokong usaha dakwah agar kian rancak dan komprehensif.

Secara spesifik objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Meneroka latar belakang penggerak dakwah dalam kalangan wanita muallaf di Negeri Sembilan secara terperinci.
2. Menganalisis latar belakang pendakwah wanita muallaf di Negeri Sembilan bedasarkan empat konsep analisis SWOT
3. Membina kerangka pemerkasaan pendakwah wanita muallaf di Negeri Sembilan melalui dapatan profil terperinci.

Tinjauan Literatur

Kajian mengenai pemerkasaan wanita begitu kaya dalam pelbagai bidang. Tetapi, pemerkasaan wanita dalam konteks pendakwah muallaf hampir tidak dijumpai dalam kajian lepas. Bukan sahaja kajian pemerkasaan, malah kajian khusus mengenai wanita muallaf yang menjadi pendakwah juga sangat terhad untuk dijumpai. Maka tinjauan literatur dalam penulisan ini menumpukan kajian lepas dengan konteks umum yang dibahagikan kepada tema berikut:

Pendakwah Muallaf

Pendakwah muallaf merupakan golongan minoriti di Malaysia, tetapi memainkan peranan penting dalam usaha dakwah. Peranan mereka bukanlah fenomena baru, bahkan mereka telah lama terlibat dalam dakwah (Masyaa'il Tan, 2023). Namun, kehadiran mereka kurang disedari oleh masyarakat (Arifin dan Safinah 2013). Mimi et al. (2011) mendapati sebenarnya mereka aktif dalam dakwah menggunakan pelbagai platform seperti media sosial dan program televisyen untuk menyebarkan ajaran Islam. Mereka bukan sahaja menyampaikan ilmu agama tetapi juga menjadi model teladan bagi yang lain. Namun, kajian mengenai pendakwah mualaf, khususnya dalam kalangan wanita, masih terhad dan kurang mendapat perhatian dalam penyelidikan akademik, meskipun golongan ini memiliki peranan unik dalam mendekati komuniti bukan Islam dan mendukung usaha dakwah secara menyeluruh.

Cabarani Muallaf Wanita

Wanita muallaf menghadapi pelbagai cabaran selepas memeluk Islam yang meliputi aspek sosio-budaya, emosi, ekonomi, dan agama. Masyaa'il Tan dan Harun (2023) mendapati tekanan emosi, kesukaran penyesuaian diri, penerimaan keluarga, persepsi negatif masyarakat, masalah kewangan, dan kurang penghayatan agama sebagai antara cabaran utama. Zulfikaar & Zaifuddin (2024) serta Nurjannati & Muhamat (2020) turut menekankan isu seperti konflik keluarga, undang-undang, hak harta pusaka, dan pengurusan jenazah. Kawi dan Tan Abdullah (2020) pula melaporkan bahawa tekanan ekonomi dan penerimaan komuniti merupakan cabaran utama, khususnya di Sarawak. Kajian di UK oleh Zebiri (2008) menunjukkan wanita muallaf sering disisihkan oleh keluarga dan masyarakat kerana memilih Islam. Selain itu, Marlon et al. (2014) mendapati mualaf sering keliru antara budaya Melayu dan ajaran Islam. Awang et al. (2017) pula menunjukkan bahawa wanita muallaf sering berhadapan dengan konflik identiti, stigma sosial, dan perubahan norma agama, termasuk perubahan dalam cara berpakaian. Bahkan, Aziz dan Abdullah (2020) mendapati wanita muallaf di Malaysia sukar mengintegrasikan diri dalam masyarakat Islam dan bukan Islam serta sering dianggap ‘asing’ dalam komuniti Muslim.

5 Kerangka Pemerkasaan Pendakwah Wanita Muallaf Di Negeri Sembilan Melalui Analisis Profil Terperinci

Wanita dan Dakwah

Wanita berperanan menyebarluaskan ajaran Islam melalui pendidikan, penulisan, dan kepimpinan sosial. Asmahanim dan Osman (2022) menegaskan bahawa wanita membawa perspektif unik dalam menangani isu-isu wanita, keluarga, dan masyarakat, menjadikan peranan mereka sangat penting dalam menyampaikan mesej Islam yang inklusif. Ahmad@Yunus et al. (2022) menekankan bahawa pendakwah wanita perlu kreatif dalam menarik perhatian masyarakat sambil menjaga imej Islam yang baik. Wiles (2021) pula menunjukkan bahawa pendakwah wanita sering menghadapi cabaran dalam memenuhi harapan pelbagai pendengar. Kajian oleh Ahmad@Yunus et al. (2022) menegaskan pentingnya bimbingan dalam membantu pendakwah wanita muallaf mengatasi cabaran dakwah, di mana mentor berpengalaman memberikan sokongan dan motivasi untuk perkembangan dalam dakwah. Omar (2016) pula menyarankan analisis SWOT terhadap golongan ini untuk meningkatkan keberkesanan dakwah mereka. Daud dan Abdullah (2020) turut menekankan keperluan strategi dakwah yang lebih relevan berdasarkan analisis situasi yang tepat.

Pemerkasaan Wanita

Pemerkasaan wanita adalah isu penting yang melibatkan aspek sosial, politik, ekonomi, dan pendidikan. Wahab et al. (2023) membincangkan usaha Malaysia dalam pemerkasaan wanita, terutama melalui Dasar Wanita Negara yang memfokuskan peningkatan kedudukan wanita dalam sektor ekonomi. Zaiton dan Nooraini (2015) serta Rahmah et al. (2013) melaporkan diskriminasi peluang kenaikan pangkat dan jurang gaji sebagai cabaran utama. Irdina dan Noriza (2021) menyatakan bahawa jurang gaji dalam sektor korporat menunjukkan ketidakseimbangan gender masih menjadi isu. Yusoff et al. (2021) mendapati bahawa ramai wanita memilih untuk tidak bekerja demi kesejahteraan keluarga walaupun berkelayakan tinggi, dan Haslina (2015) menyatakan cabaran utama dalam memperkasakan wanita pendakwah adalah keseimbangan antara tanggungjawab keluarga dan dakwah. Nor Rafidah (2022) pula menyebut peranan wanita sebagai pengimbang dalam politik bagi memastikan peluang yang setara antara jantina.

Dalam konteks wanita muallaf, pemerkasaan mereka bukan sahaja meningkatkan keyakinan diri dan penghayatan agama tetapi juga penting dalam menghadapi cabaran sosial dan ekonomi. Kajian oleh Ahmad dan Abd Rahman (2020) menekankan peranan sokongan sosial dalam membantu saudara baru mengatasi pelbagai masalah. Adi Syahid, M. A., et al. (2019) dalam kajian mengenai kepuasan hidup wanita Cina yang memeluk Islam di Kelantan menyimpulkan bahawa sokongan komuniti penting untuk integrasi dan pemerkasaan. Sokongan agensi kerajaan dan NGO melalui program-program khusus turut penting dalam pemerkasaan wanita muallaf muallaf (Hanani et al. 2023). Kajian Jamilah (2023) menyoroti peranan PERKIM dalam membantu keluarga muallaf, terutama wanita, melalui strategi pemerkasaan kognitif dan pengurusan konflik. Kajian Jamil (2016) pula menekankan sumbangan pendidikan Islam dalam transformasi diri wanita muallaf.

Secara keseluruhan, isu pemerkasaan wanita ini memerlukan perhatian di peringkat lokal dan global. Kajian menunjukkan bahawa faktor keluarga, budaya, undang-undang, agama, dan ekonomi memainkan peranan penting dalam memperkasakan wanita bergantung kepada konteks negara. Ruang dari limitasi kajian lepas perlu dipenuhi melalui kajian ini yang menumpukan pembangunan kerangka pemerkasaan kepada golongan wanita muallaf yang menjadi pendakwah.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah temubual mendalam terhadap 11 pendakwah wanita muallaf di Negeri Sembilan, dipilih kerana kepelbagaiannya demografi dan sosial yang unik, serta komuniti muallaf yang signifikan di negeri ini. Melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) dan Unit Sukarelawan Rakan Ziarah (SRZ), akses kepada informan diperoleh. Kaedah bola salji digunakan untuk mendapatkan informan selanjutnya berdasarkan rekomendasi dari informan pertama.

Sampel kajian terdiri daripada wanita bukan Melayu yang tinggal, berasal, atau bekerja di Negeri Sembilan, memeluk Islam selepas lahir dalam agama lain, menguasai kemahiran asas (Membaca, Menulis, Mengira), dan mampu menyebarkan ajaran Islam. Temubual separa struktur merangkumi tema latar belakang sosiodemografi, kehidupan sebelum dan selepas memeluk

7 Kerangka Pemerkasaan Pendakwah Wanita Muallaf Di Negeri Sembilan Melalui Analisis Profil Terperinci

Islam, pandangan terhadap Islam, cabaran penyesuaian, serta pengalaman dan kemahiran dakwah. Temubual dijalankan dari perspektif wanita yang melalui proses mengenali, memahami, dan menyebarkan Islam serta menghadapi cabaran.

Mengetahui aspek sebelum dan setelah memeluk Islam dalam profil pendakwah wanita muallaf adalah penting kerana ia memberikan gambaran yang menyeluruh mengenai perkembangan dan transformasi mereka. Aspek kehidupan sebelum memeluk Islam membantu mengenal pasti latar belakang sosio-budaya, agama, dan pengalaman yang membentuk pandangan awal mereka serta faktor yang mendorong mereka untuk memeluk Islam dan berdakwah. Seterusnya, aspek setelah memeluk Islam memberi tumpuan kepada adaptasi mereka dalam kehidupan Muslim dan peranan mereka sebagai pendakwah. Ini mencakupi tahap pengetahuan, kemahiran dakwah, serta cabaran yang dihadapi dalam menyebarkan Islam. Profil yang terperinci ini membolehkan pengkaji memahami perjalanan spiritual dan sosial mereka, mengenal pasti keperluan khusus, dan membina strategi pemerkasaan yang sesuai untuk menyokong peranan mereka dalam berdakwah.

Data dianalisis secara tematik dan SWOT untuk mengenal pasti kekuatan, kelemahan, peluang, dan cabaran dalam kerja dakwah mereka. Berdasarkan analisis ini, rangka kerja pemerkasaan dibentuk yang memberi refleksi konteks naratif pendakwah wanita muallaf.

Informan diberikan kod Pendakwah Wanita Muallaf (PWM) dari nombor satu hingga sebelas, dan data tepu dicapai dalam kajian ini. Kesemua informan memberikan kebenaran untuk data digunakan bagi tujuan analisis akademik. Istilah "muallaf" dikekalkan kerana walaupun kebanyakan informan telah memeluk Islam melebihi tempoh biasa penggunaan istilah tersebut, majoriti dari mereka hanya memahami Islam secara mendalam setelah berbelas tahun melalui proses pembelajaran yang panjang. Dalam konteks kajian ini, istilah ini juga digunakan untuk menegaskan bahawa mereka adalah pendakwah wanita yang pada asalnya bukan dilahirkan dalam keluarga Muslim.

Dapatan Kajian

Analisis latar belakang informan kajian dipersembahkan melalui enam tema seperti dibawah, seterusnya data tersebut dirangkumkan dalam analisis SWOT and pembentukan kerangka pemerkasaan.


Latar Belakang Sosiodemografi Pendakwah Wanita Muallaf di Negeri Sembilan

Para informan menunjukkan pelbagai ciri yang mencerminkan kepelbagai etnik, lokasi, dan pengalaman hidup. Sebahagian besar informan iaitu lapan (8) orang dari 11 orang pernah bersekolah di sekolah kebangsaan yang mana mereka bercampur dengan kaum Melayu, dan telah mempengaruhi pandangan dan penglibatan mereka dalam dakwah Islam. Manakala baki darinya mengakui bahawa mereka tidak pernah tahu tentang Islam dan cara hidup orang Islam melalui kaum Melayu kerana persekitaran tempat tinggal dan jenis sekolah mereka tidak terdedah kepada perkara tersebut.

Sebelum memeluk Islam, para informan mempunyai latar belakang agama yang pelbagai. Dari segi komitmen terhadap agama asal mereka sebelum memeluk Islam, terdapat perbezaan yang ketara. Dua orang daripada informan menunjukkan komitmen yang teguh dengan aktif menyebarkan ajaran agama mereka bahkan salah seorang daripadanya adalah ‘sister’ yang aktif mengkirstiankan komuniti setempat. Empat orang lagi hanya sekadar menghormati tradisi keluarga tanpa penglibatan yang mendalam. Mereka hanya mengikut tanpa sebarang persoalan lanjut dan ianya diterima sebagai budaya. Manakala lima orang yang lain kurang menunjukkan minat yang serius terhadap ajaran agama asal mereka. Mereka keliru dengan bilangan tuhan yang banyak dan peranan yang berbeza-beza. Setiap hajat perlu diminta dengan tuhan yang berbeza-beza.

Rajah 1 dan Jadual 1 meringkaskan maklumat sosiodemografi informan dan latar belakang mereka sebelum menjadi muslim bagi memudahkan kefahaman dalam pembacaan dan penjelasan data kajian ini.

9 Kerangka Pemerkasaan Pendakwah Wanita Muallaf Di Negeri Sembilan Melalui Analisis Profil Terperinci



Rajah 1: Infografik Maklumat Sosiodemografi Informan

JADUAL 1
Ringkasan Maklumat Sosiodemografi

Informan	Umur	Bangsa	Tempat Tinggal	Pendidikan	Kerjaya	Status	Agama Asal
PWM 1	49	Iban	Seremban	Kolej	Pendakwah Sepenuh Masa	Janda	Kristian
PWM 2	51	Cina	Senawang	Kolej	Pendakwah Sepenuh Masa	Berkahwin	Budha
PWM 3	42	Iban	Seremban	SPM	Pendakwah Sepenuh Masa	Bujang	Kristian
PWM 4	28	Cina	Seremban	Ijazah Sarjana	Pelajar Pascasiswasazah	Bujang	Taoisme
PWM 5	23	India	Seremban	SPM	Pekerja F&B	Berkahwin	Kristian
PWM 6	50	India	Seremban	Diploma	Guru	Berkahwin	Hindu
PWM 7	51	India	Rembau	SPM	Guru	Berkahwin	Sikh
PWM 8	40	Cina	Nilai	SPM	Guru	Berkahwin	Budha
PWM 9	67	Cina	Seremban	SPM	Pendakwah Sepenuh Masa	Balu	Budha
PWM 10	27	Orang Asli	Port Dickson	Diploma	Pendakwah Sepenuh Masa	Berkahwin	Kristian
PWM 11	50	Orang Asli	Johol	SPM	Pendakwah Sepenuh Masa	Berkahwin	Animisme

Pandangan Terhadap Islam Sebelum Menjadi Muslim

Pandangan informan terhadap Islam sebelum memeluk agama ini berbeza-beza. Namun, majoriti mereka memiliki pandangan positif terhadap Islam kerana dikelilingi oleh rakan-rakan Muslim yang berakhhlak baik. Dapatkan ini selari dengan kajian Awang dan Khambali (2015) serta Abd Majid et al. (2017), yang mendapati bahawa muallaf sudah memiliki persepsi positif tentang Islam sebelum memeluk agama Islam hasil daripada pergaulan yang rapat dengan rakan Muslim, sama ada di kawasan kejiranan, tempat kerja, atau sekolah. Hubungan sosial yang erat dengan komuniti Muslim menjadi pendorong kuat untuk mereka mengenali Islam, sekali gus mempengaruhi persepsi mereka dan akhirnya membawa kepada pemelukan

agama ini. Antara contoh respon positif dari informan adalah seperti petikan dibawah:

"Masa saya sedih, saya tengok kawan sembahyang, saya pun ambil sejадah, dan doa. Terus menangis dan rasa tenang. Sejak itu, saya kerap berdoa." (PWM 2, 2023)

"Saya minat Islam sejak sekolah, terpengaruh dengan ustazah." (PWM 3, 2023)

"Saya nak jadi seperti orang Islam yang redha dan positif..." (PWM 8, 2023)

Sebaliknya, respon negatif terhadap Islam sebelum mereka memeluk agama ini selalunya disebabkan oleh kurangnya hubungan dengan orang Melayu. Mereka mempunyai persepsi negatif terhadap orang Melayu Muslim yang dianggap kasar dan mereka tidak berminat terhadap agama. Persepsi ini selari dengan dapatan kajian Chuah (2002), yang mendapati golongan non-Muslim di Malaysia melihat Islam sebagai agama yang menindas wanita. Kurangnya minat terhadap Islam pula menyokong kajian Meerangi et al (2022), yang mendapati bahawa non-Muslim melihat Islam sebagai agama yang penuh dengan larangan dan peraturan yang ketat, terutamanya dalam aspek pemakaian dan hubungan sosial. Persepsi negatif ini jelas berpuncu daripada salah faham dan kejahilan terhadap ajaran Islam. Antara contoh respon negatif dari informan adalah seperti petikan dibawah:

"Jangan campur orang melayu lah, nanti masuk Islam" (PWM 1, 2023).

"Orang Melayu (Islam) ni kasar" (PWM 10, 2023).

Punca Memilih Islam Dan Perasaan Menjadi Muslim

Kesemua informan memeluk Islam sekitar umur pertengahan 20 an. Kecuali PWM 5 yang masuk lebih awal pada usia 18 tahun kerana minat beliau terhadap Islam yang begitu mendalam disebabkan persekitaran keluarga yang asyik membuatkan hidupnya rasa tidak tenang. Beliau sering

menumpang untuk masuk ke kelas pendidikan Islam berbanding pendidikan moral sewaktu di sekolah kerana suasana itu membuatkan hidupnya sangat tenang.

Pengalaman ini selaras dengan kajian Latif (2018), yang menunjukkan bahawa ajaran Islam, khususnya konsep tauhid, memberi ketenangan kepada individu yang mencari makna dan arah dalam hidup.

Bagi PWM 3,4,5,7, 8 dan 10, mereka masuk Islam kerana jatuh hati dengan akhlaq orang Islam, ingin tiru cara hidup Islam dan konsep Tuhan itu hanya satu adalah sangat logik yang boleh diterima dan memuaskan perasaan dan pemikiran mereka. Walaupun enam orang dari PWM masuk Islam atas faktor perkahwinan, tetapi mereka telah membina perasaan minat untuk mengetahui lebih lanjut tentang Islam. Mereka yang mendalamai Islam selepas berkahwin turut mendapati perkara yang sama.

Kajian Rasip dan Ab Razak (2024) juga menyokong bahawa perkahwinan dengan Muslim boleh menjadi pintu masuk ke dalam Islam, namun minat dan pemahaman mendalam sering berkembang selepas perkahwinan.

Lebih menarik bagi PWM 10, beliau sering dihantui mimpi yang mengerikan hingga membuatkan beliau lebih yakin untuk memilih Islam disamping sudah terpukau dengan kebaikan rakannya yang tidak membezakan layanan pada beliau walaupun beliau adalah dari komuniti Orang Asli yang sering dipandang rendah oleh kebanyakan orang. Begitu juga dengan PWM 7 yang mendapat hidayah Islam melalui petunjuk dari mimpi.

Fenomena ini ditemui juga dalam Richardson, C., Vigoureux, T., & Lee, S. (2020). yang menunjukkan bahawa mimpi menjadi medium emosi bagi individu yang sedang mencari kebenaran dan perubahan dalam hidup mereka.

Selepas memeluk Islam, dari segi perasaan, kesemua mereka mengakui bahawa hidup mereka berasa lebih tenang, gembira, hidup lebih bermakna dan mempunyai arah tujuan yang jelas. Ada juga yang merasakan bebas dari bebanan dan seronok, hidup lebih positif dan lebih kuat hadapi pelbagai cabaran. Antara luahan informan adalah seperti berikut:

“Bila dah masuk Islam, yang saya nampak satu je, harapan saya hidup, ada. Harapan kita tu ada dekat Allah.”
(PMW 10, 2023)

Penyesuaian Diri Sebagai Muslim

Kesemua informan mengalami proses penyesuaian diri yang berbeza terutamanya dalam konteks pemahaman dan pengamalan tentang ajaran Islam. PWM 1 menghadapi cabaran dalam mempelajari dan menghayati amalan-amalan asas Islam seperti solat. Walaupun sudah menghadiri kursus, beliau masih merasa sukar untuk memahami sepenuhnya tatacara solat dan bacaan yang betul. PWM 2 yang memeluk Islam ketika masih kurang ilmu asas agama, mengambil masa yang panjang untuk mempelajari Islam melalui kursus yang dihadiri serta sokongan tambahan daripada jemaah tabligh. PWM 3 menghadapi kesukaran dalam memahami dan mengamalkan ajaran Islam dengan betul, kerana tidak ada bimbingan awal yang jelas. Pengetahuan beliau tentang solat dan pemakaian tudung sangat terbatas.

Bagi PWM 4, yang memeluk Islam secara rahsia, memerlukan sedikit masa untuk menyesuaikan dirinya menunaikan solat mengikut waktu kerana bimbang ahli keluarganya akan terjah masuk ke bilik saat beliau sedang solat. PWM 5, dengan bimbingan suaminya, menyesuaikan diri mengamalkan ajaran Islam secara perlahan-lahan. PWM 6 pula menghadapi kejutan budaya dalam proses menyesuaikan diri dalam mengamalkan ajaran Islam.

PWM 7, yang menghadapi tekanan daripada keluarganya, mempelajari Islam melalui bahan cetakan dan kaset yang mudah dicapai ketika itu kerana pergerakannya yang sangat terbatas. PWM 8 berusaha untuk menyesuaikan diri sebagai seorang Muslim dengan baik selepas memberi pendedahan tentang Islam serba sedikit kepada keluarganya. PWM 9 mendapat bimbingan agama daripada arwah suaminya dan mengambil masa untuk belajar membaca Al-Quran. PWM 10, yang berasal dari komuniti Orang Asli, mula mempelajari Islam secara perlahan-lahan sebelum keluarganya mengetahui tentang keputusannya untuk memeluk Islam. Maka, proses penyesuaian diri sebagai seorang Muslim menjadi sedikit mudah untuknya. PWM 11, yang menghadapi cabaran penyesuaian

dalam pengamalan pemakanan halal dan aurat, mendapatkan pembelajaran yang intensif dari pusat dakwah

Guleng et al. (2014) melaporkan kekeliruan mualaf antara budaya Melayu dan ajaran Islam, serta kesukaran istiqamah. Kajian Awang et al. (2017) pula mendapati wanita mualaf menghadapi konflik identiti, stigma sosial, dan perubahan norma agama seperti cara berpakaian. Aziz dan Abdullah (2020) menekankan kesukaran wanita mualaf di Malaysia untuk mengintegrasikan diri dalam masyarakat Islam dan bukan Islam, serta stigma "asing" dalam komuniti Muslim. Namun, penglibatan dalam dakwah dapat meningkatkan keyakinan diri dan penghayatan terhadap Islam.

Pengalaman Mencabar Menjadi Muslim

Kesemua informan menghadapi cabaran besar selepas memeluk Islam, terutamanya dalam konteks penerimaan daripada keluarga masing-masing. Ini seiring dengan penemuan kajian Yahya et al. (2021) yang menyatakan bahawa muallaf sering menghadapi penolakan atau kesulitan dalam keluarga kerana perbezaan agama dapat mencetuskan ketegangan emosi dan sosial.

PWM 1 menghadapi cabaran dalam peranannya sebagai ibu dan isteri sambil beliau perlu untuk mendalami ilmu agama. PWM 2 pula mengalamikekangan masa untuk mempelajari tentang Islam kerana kesibukan bekerja. PWM 3 menghadapi cabaran besar apabila ibunya tidak menerima keputusannya untuk memeluk Islam dan menyebabkan hubungan mereka renggang selama beberapa tahun.

Manakala, PWM 4 dan PWM 7 yang memeluk Islam secara rahsia, menghadapi cabaran dalam menyembunyikan identiti Muslim mereka pada peringkat awal kerana bimbang reaksi negatif daripada keluarga. Keadaan ini adalah lazim di kalangan muallaf seperti yang diperlihatkan dalam kajian Hayaati dan Nurhidayah (2022) yang mendapati bahawa ramai muallaf memilih untuk merahsiakan status agama mereka bagi mengelakkan konflik, walaupun ini menimbulkan tekanan psikologi dan identiti bagi mereka.

Bagi PWM 5 pula, beliau mendapat sokongan daripada ibunya serta bimbingan agama daripada suaminya, tetapi menghadapi pandangan sinis daripada rakan sekerja ketika mula memakai tudung. PWM 6 pula berhadapan dengan kejutan budaya apabila perlu menyesuaikan diri dengan gaya hidup Islam yang berbeza seperti memakai pakaian yang longgar dan labuh serta perlu memakai tudung. Ini sejajar dengan kajian Norizan dan Nadiyah (2019) yang mendapati bahawa perubahan penampilan seorang muallaf sering menerima reaksi negatif dalam masyarakat yang tidak memahami kewajipan tersebut dalam Islam.

Tambahan pula, dalam keadaan keluarga yang tidak memahami sepenuhnya tentang Islam, PWM 8 menghadapi cabaran dalam mempraktikkan ajaran Islam seperti solat dan pemakanan halal dalam kehidupan sehariannya. PWM 9 pula berhadapan dengan cabaran penerimaan daripada keluarga dan masyarakat. Kajian Abdul Rahman et.al, (2020) menunjukkan bahawa muallaf sering dihadapkan dengan stereotaip dan prasangka, yang menyebabkan mereka sukar untuk merasa diterima dalam masyarakat.

Bagi PWM 10 dan PWM 11, cabaran terbesar datang daripada keluarga Orang Asli yang sukar menerima keputusan mereka untuk memeluk Islam kerana prasangka bahawa memeluk Islam bermakna kehilangan identiti Orang Asli dan dianggap sebagai "masuk Melayu". Malah, PWM 10 sempat terfikir untuk membunuh diri akibat tekanan dan tentangan daripada keluarga.

Pengetahuan Dan Kefahaman Tentang Islam

Bagi informan yang memeluk Islam atas faktor perkahwinan, rujukan utama mereka tentang Islam adalah dari suami mereka sendiri dan disokong juga oleh keluarga mertua masing-masing. Manakala secara keseluruhan, rujukan utama kesemua informan adalah dari kelas bimbingan kepada muallaf anjuran Jabatan Agama Islam setempat yang dibimbing dari para asatizah yang berpengalaman. Selain itu mereka turut menyertai kelas-kelas tambahan, kursus-kursus yang mereka hadiri secara sukarela selain disokong oleh sumber maklumat dari bahan bacaan bercetak dan digital serta sumber dari media sosial melalui video-video ceramah para asatizah yang tersohor dalam dan luar negara. Terdapat juga yang mengambil Sijil Pengajian Islam bagi memantapkan lagi pemahaman agama Islam.

Kefahaman mereka terhadap agama Islam dibina melalui perasaan yang ingin tahu, keazaman yang ingin menjadi lebih baik dan mendalamai cara hidup yang betul sebagai Muslim dan usaha yang berterusan dalam mendalamai Islam melalui pelbagai cara formal dan tidak formal. Natijahnya, mereka mampu memahami Islam dengan lebih baik dan komprehensif. Dapatkan temubual ini menggambarkan pengalaman dan pandangan mendalam para muallaf terhadap Islam, yang mereka lihat sebagai agama yang unik dan komprehensif, jauh berbeza dari kepercayaan agama lain. Sebilangan kecil kehidupan orang Melayu bukanlah imej sebenar Islam. Bagi mereka, Islam adalah cara hidup yang lengkap, dengan panduan jelas dalam setiap aspek kehidupan. Mereka menekankan keindahan dan kesucian Islam, keyakinan terhadap Tuhan yang Esa, serta konsep ganjaran dan dosa. Islam juga dilihat sebagai sumber harapan dan bimbingan dalam kehidupan, memberikan rasa kepuasan spiritual yang berbeza daripada ideologi atau agama lain seperti yang direkodkan melalui petikan tembual berikut:

“Rupanya Islam dengan kehidupan orang Melayu Islam is totally different.”
(PMW2, 2023)

“Tapi benda yang guidance ni, agama lain tak ada, agama Islam je ada, way of life is Islam, not other religion. Mana boleh agama sama. Kita percaya pada Tuhan yang satu. Dia percaya pada Tuhan yang banyak.”
(PMW 6, 2023)

“Budhism satu ideologi... berbeza dengan Islam. Islam is not just a religion, dia more than a religion..., orang Islam tu setiap kali kita jadi ahli, kita kumpul point dan kita akan dapat reward.” (PMW 8, 2023)

“Bila dah masuk Islam, yang saya nampak satu je, harapan saya hidup, harapan kita tu ada dekat Allah.”
(PMW 10, 2023)

Pengalaman Dan Cabaran Berdakwah

Kefahaman tentang ajaran Islam telah menanamkan rasa ingin menyebarkan agama Islam itu bertapak kuat pada diri setiap informan. Mereka merasakan betapa ruginya komuniti mereka masih ramai yang tidak tahu tentang kelebihan dan keistimewaan Islam ini yang akan memberikan

kejayaan yang abadi dalam hidup ini. Maka dengan kesedaran, kefahaman dan keazaman itulah yang menjadikan mereka berada dalam dunia dakwah sama ada personal mahupun berkumpulan, rasmi atau tidak rasmi. Pastinya dengan niat yang jelas iaitu Islam perlu diajarkan, disebarluaskan dan itulah tanggungjawab setiap muslim. Sebagaimana firman Allah s.w.t di dalam Surah Al-Fussilat ayat 33.

Secara asasnya, pengalaman dakwah setiap informan adalah dimulakan terhadap orang sekeliling yang rapat dengan mereka iaitu ahli keluarga mereka sendiri yang mudah untuk mereka dekati yang terdiri dari adik beradik, ibu bapa serta ahli keluarga besar yang lain. Mereka selalu memikirkan bahawa semoga ahli keluarga mereka dapat nikmat Iman dan meninggal dunia dalam keadaan beriman kepada Allah s.w.t supaya dapat dihindari dari azab api neraka serta dapat kembali bersatu dan berbahagia di syurga. Mereka juga memikul tanggungjawab penting dalam menunjukkan akhlaq yang mulia kerana setiap perbuatan mereka akan menjadi kayu ukur untuk menarik minat ahli keluarga pada Islam.

Dari kelompok keluarga mereka bergerak kepada komuniti mereka iaitu muallaf baharu yang memerlukan bimbingan serta masyarakat bukan Islam yang lain yang berada dalam persekitaran mereka. Malah, enam dari informan kajian ini merupakan aktivis da'wah sepenuh masa yang kesemuanya dilatih untuk berdakwah melalui kumpulan SRZ. Namun, sebagai wanita yang juga muallaf, mereka menghadapi pelbagai kesulitan dalam menyampaikan ajaran Islam. Namun bagi setiap kesulitan tersebut, mereka membina pelbagai strategi untuk menyelesaiannya.

Pertama, dari segi kesulitan peribadi, mereka berdepan dengan cabaran menguruskan waktu dengan baik kerana tanggungjawab sebagai ibu dan isteri perlu didahulukan dalam memastikan kesejahteraan rumah tangga masing-masing. Selain itu kesulitan peribadi juga melibatkan, kekangan kewangan dan pengabaian tanggungjawab oleh suami dan suami tidak memahami perjuangan.

"Cabaran utama saya adalah anak-anak. saya perlu menguruskan mereka, suami, dan juga kewangan rumah, kerana suami sudah lama tidak berpendapatan."
(PMW 1, 2023)

"Saya nak belajar, tapi saya takut kerana masalah kewangan, dan suami hanya fokus pada dirinya."
(PMW 2, 2023)

Kedua, kesulitan sebagai wanita dan juga muallaf. Mereka menghadapi stigma bahawa ilmu agama mereka masih belum cukup baik dan tidak layak untuk memberikan ceramah tentang Islam. Hanya PWM 1 pemegang sijil dan diploma dalam bidang pengajian Islam yang menjadikan beliau antara yang dirujuk jika terdapat masalah berkaitan muallaf yang ingin murtad. Manakala bagi kes yang lain, ketiadaan sijil yang diiktiraf dalam bidang membuatkan mereka kurang diberi peluang dan banyak dipersoalkan. Penerangan dakwah lebih tertumpu kepada sesi perkongsian perjalanan menjadi muallaf dan cara mereka memahami dan mengamalkan Islam sebagai cara hidup. Contohnya seperti berikut:

"Sebagai muallaf, saya sering dipersoalkan siapa saya untuk berdakwah kerana baru masuk Islam. Namun, siapa saya untuk tidak berdakwah? Kita mesti lakukan sesuatu, walaupun usaha saya mungkin kecil sahaja."
(PMW 8, 2023)

Ketiga, kesulitan dalam menerangkan Islam kepada sasaran dakwah dan menghadapi kerentahan mereka yang pelbagai. Antara respon informan adalah seperti berikut:

"Ramai masuk Islam sebab ada kepentingan lain."
(PMW 2, 2023)

"Mereka tak baca kitab Veda, walaupun ia jelas tentang Tuhan yang satu. Tapi mereka tak boleh terima, sebab konsep Tuhan banyak sukar untuk difahami." (PMW 3, 2023)

"Perlu guna logik untuk jelaskan Islam, sebab mereka tak faham sangat kalau cerita secara Islamik."
(PMW 6, 2023)

"Banyak ingatkan tentang mati supaya mereka berfikir."
(PMW 7, 2023)

Dapatan temubual ini menggambarkan cabaran yang dihadapi dalam menyampaikan ajaran Islam, khususnya dalam bab akidah. Mereka mendapati bahawa penjelasan mengenai konsep keesaan Tuhan sering sukar diterima, terutama oleh mereka yang tidak memahami atau tidak membaca kitab agama asal mereka. Ada juga yang masuk Islam atas kepentingan lain, dan sukar untuk menghubungkan konsep Islam dengan pengalaman mereka. Walaupun begitu, pendekatan logik dan kesabaran dalam berdakwah amat penting, di samping mengingatkan mereka tentang kematian dan mengambil setiap peluang untuk menyampaikan mesej Islam.

Keempat, majoriti sasaran dakwah informan adalah dalam kalangan asnaf. Maka terdapat sasaran dakwah yang selalu meminta duit untuk menyokong keperluan asas hidup mereka. Hakikatnya informan juga menghadapi masalah kewangan sebagaimana pengalaman PWM1. Selain itu menurut PWM 11, usaha dakwah beliau tidak disenangi oleh beberapa masyarakat setempat dan terdapat juga anggota pasukan dakwah yang kurang memahami realiti dakwah di peringkat setempat dan jarang melibatkan diri secara langsung di lapangan. Apabila sasaran dakwah tidak tercapai, informan ini sering dipersalahkan.

Sebagai pendakwah, apa yang membuatkan mereka terus kuat dalam menghadapi segala ujian dalam berdakwah adalah dengan amalan spiritual iaitu solat, zikir, membaca Al-Quran serta melihat pengalaman orang lain dan mengamati realiti dan keperluan masyarakat serta semangat dalam menyebarkan Islam.

Strategi Pendekatan Dakwah Yang Dilakukan

Kesemua informan menggunakan pendekatan dakwah yang berasaskan kelembutan, kasih sayang, dan tidak memaksa sebagaimana yang digariskan dalam Surah Al-Nahl ayat 125 dan Surah Al-Baqarah, ayat 256. Ayat ini memberi asas kepada pendekatan dakwah tanpa paksaan yang diterapkan oleh informan.

PWM 1 menggunakan pendekatan melalui menunjukkan teladan yang baik kepada orang sekeliling, termasuk keluarganya sendiri, yang akhirnya menyebabkan adiknya memeluk Islam. PWM 3 dan PWM 4 menggunakan pendekatan yang lembut dan empati, di mana mereka mengelakkan tekanan dan memupuk rasa cinta dan kasih terhadap Islam. PWM 5 percaya pada

pendekatan yang tidak memaksa dalam dakwah, dan PWM 6 juga menekankan dakwah secara fleksibel, memberi ruang kepada individu untuk memahami Islam dengan lebih mendalam tanpa tekanan dan berbahas dengan logik sepihama petikan temubual berikut:

"Perlu guna logik untuk jelaskan Islam, sebab mereka tak faham sangat kalau cerita secara Islamik."
(PMW 6, 2023)

Manakala, PWM 2 pula menekankan pendekatan yang sabar dan beransur-ansur, di mana beliau sering menjelaskan konsep asas Islam secara perlahan-lahan untuk memastikan kefahaman yang kukuh. Ini adalah berterpatan dengan konsep *fiqh aulawiyat* dalam *fiqh da'wah*.

PWM 7 pula lebih mengutamakan kasih sayang dalam dakwahnya, terutama terhadap keluarganya, sambil menggunakan pendekatan halus dan psikologi dalam memperkenalkan nilai-nilai Islam antaranya dengan menjadikan konsep kematian sebagai tema perbualan sepihama petikan temubual berikut:

"Banyak ingatkan tentang mati supaya mereka berfikir." (PMW 7, 2023)

Pendekatan yang menggunakan konsep kematian sebagai renungan adalah selari dengan amalan Rasulullah yang sering mengingatkan umatnya tentang kematian sebagai persiapan rohani dan mereka adalah orang yang bijak, seperti dalam hadis riwayat Ibn Majah (4259).

PWM 8 memfokuskan kepada komunikasi dalam bahasa cina dan sering berkongsi pengalaman peribadi untuk menarik minat orang lain kepada Islam. PWM 9 menggunakan pendekatan dakwah yang mengutamakan kebaikan dan menasihati agar tidak marah apabila ada yang tidak berminat untuk mendengar tentang Islam. PWM 10, yang aktif dalam komuniti Orang Asli, juga menekankan penggunaan akhlak yang baik dan kesabaran dalam berdakwah, terutama kepada keluarga dan komuniti yang kurang terdedah kepada Islam. Beliau menekankan nilai-nilai Islam melalui tindakan. PWM 11 pula menggunakan pendekatan dakwah yang mesra, beliau lebih suka menerangkan tentang Islam melalui perbualan harian dan contoh peribadi, sambil mengutamakan kebersihan dan nilai-nilai moral dalam ajaran Islam.

Analisis SWOT Pendakwah Wanita Muallaf di Negeri Sembilan

Informan menunjukkan kekuatan yang luar biasa, termasuk semangat tinggi dalam menyebarkan ajaran Islam, kefahaman agama yang baik, serta ketahanan mental dan spiritual yang kuat. Keinginan mereka untuk terus belajar dan istiqamah dalam mengamalkan Islam menjadikan mereka teladan dalam masyarakat, dengan pengalaman sebagai muallaf membantu mereka memahami perspektif non-Muslim terhadap Islam. Namun, kelemahan seperti ketiadaan sijil pengajian Islam, cabaran peribadi seperti pengurusan masa dan masalah kewangan, serta kesukaran mengikuti gaya hidup Islam sepenuhnya perlu diatasi. Terdapat peluang untuk mereka terus menuntut ilmu, memperoleh sijil pengajaran yang diiktiraf, serta melatih pendakwah muda. Ancaman yang dihadapi termasuk pasangan yang tidak memahami peranan mereka, penolakan keluarga, tekanan budaya, diskriminasi, kurang sokongan dalam kalangan pendakwah, dan risiko gangguan atau fizikal dalam perjalanan dakwah. Namun, dengan mengatasi kelemahan dan memanfaatkan peluang, mereka berpotensi untuk terus maju dan memberi impak positif kepada masyarakat. Rajah 2 meringkaskan analisis SWOT ini.

Kerangka Pemerkasaan Pendakwah Wanita Muallaf Di Negeri Sembilan Melalui Analisis Profil Terperinci

22

KEKUATAN	KELEMAHAN
<ul style="list-style-type: none">Pengetahuan asas Islam sangat baikKetekunan belajar dan mengkajiIstiqamahPengalaman sebagai muallaf membantu menghuraikan Islam dengan cara berfikir non-muslimSemangat dan Motivasi TinggiKetahanan Mental dan SpiritualPendekatan dakwah yang universal (tidak memaksa, kasih sayang dan pemikiran logik)Penglibatan dalam kumpulan memperkuuh kemampuan untuk berdakwah	<ul style="list-style-type: none">Tiada sijil bidang pengajian Islam untuk diiktiraf mengajar tentang IslamDiujji ujian berat yang pelbagaiPengurusan masa untuk uruskan anak-anak dan keluarga menjadi terhadMasalah kewanganPengetahuan kepelbagaiam ilmu-ilmu Islam yang masih terhad
PELUANG	ANCAMAN
<ul style="list-style-type: none">Terus belajar dan menuntut ilmuDapatkan sijil dan tauliah mengajarMelatih pendakwah wanita mudaManfaatkan media sosial dan digitalBimbingan melalui program kursus dan mentorship	<ul style="list-style-type: none">Pasangan tidak bertanggungjawabPasangan tidak memahamiDitolak keluargaTekanan budayaTidak disenangai masyarakat sekelilingDiskriminasi masyarakat pada pendakwah muallaf dan wanitaDisalahkan oleh ahli kumpulan yang tidak memahami realiti kerja di lapanganDiganggu muallaf yang selalu minta wangKepelbagaiian kerenah dari mad'u

Rajah 2: Analisis SWOT Dari Profil dan Pengalaman Informan

Kerangka Pemerkasaan Pendakwah Wanita di Negeri Sembilan

Berdasarkan analisis SWOT yang dihasilkan melalui pemahaman profil terperinci sampel pendakwah wanita muallaf di Negeri Sembilan dan hasil tinjauan literatur sedia ada, satu kerangka pemerkasaan telah dirangka yang meliputi pelbagai aspek sokongan dan pembangunan kapasiti. Kerangka ini

bertujuan membangun dan mempersiapkan mereka sebagai agen perubahan dalam komuniti. Kerangka ini merangkumi:

1. Pembangunan Kapasiti Personal dan Profesional

Akses kepada program yang menawarkan sijil atau tauliah yang diiktiraf diberikan kepada pendakwah wanita muallaf untuk memperkasa mereka dalam menyampaikan ajaran Islam. Modul pendidikan khusus juga perlu disediakan bagi memenuhi keperluan mereka dalam mendalami dan mengajar tentang Islam. Pemberian sijil tauliah kepada pendakwah wanita muallaf yang layak adalah penting agar mereka tidak diremehkan dan diakui secara rasmi jika memberikan ceramah atau menjalankan aktiviti dakwah di Negeri Sembilan. Ini akan memperkuuh kedudukan mereka dalam komuniti.

2. Pengkalan Data Pendakwah Muallaf

Badan berautoriti seperti di Jabatan Hal Ehwal Agama perlu membangunkan satu pangkalan data berpusat untuk mendokumentasikan data pendakwah wanita muallaf. Pangkalan data ini membantu dalam memantau perkembangan mereka, memastikan akses kepada latihan dan bimbingan, serta memudahkan pengurusan dan penyelarasan kegiatan dakwah.

3. Sokongan Kewangan

Mengiktiraf pendakwah muallaf wanita sebagai kerjaya yang diberi peruntukan kewangan khas. Diberi bantuan berkala untuk membantu pendakwah wanita muallaf menguruskan diri dan mencapai kestabilan kewangan. Dana khas perlu diperuntukkan untuk mereka yang kehilangan punca pendapatan akibat perubahan hidup, dan pinjaman mikro khas ditawarkan kepada yang ingin memulakan perniagaan atau memerlukan sokongan ekonomi.

4. Program Pembangunan Kader Dakwah Wanita (Mentor-Mentee)

Program ini memberi fokus kepada pengembangan kepimpinan dengan memberikan peluang kepada pendakwah wanita berpengalaman untuk menjadi mentor kepada pendakwah wanita muda. Pendekatan ini memupuk hubungan mentor-mentee yang membina dan menyediakan bimbingan secara langsung. Di peringkat kebangsaan, pembentukan komuniti pendakwah wanita perlu diwujudkan supaya mereka dapat saling memperkuat melalui sokongan moral dan penyebaran informasi. Di Negeri

Sembilan, pendaftaran dalam sistem berautoriti membantu pihak berkuasa agama memantau dan memberi bimbingan berterusan.

5. Kursus Keharmonian Rumah Tangga

Kursus ini bertujuan untuk mewujudkan sokongan dalam rumah tangga yang harmoni dan saling memahami perjuangan isteri dalam medan dakwah. Suami diajak untuk memahami keperluan spiritual dan emosional isteri.

6. Kesejahteraan dan Kesihatan Mental

Akses kepada perkhidmatan kaunseling dan sokongan psikologi perlu disediakan untuk membantu mereka mengatasi tekanan dan tentang mental. Program khas dijalankan untuk membimbing mereka dalam menghadapi cabaran mental akibat perubahan status dan peranan baru dalam masyarakat.


7. Strategi Mengatasi Ancaman dan Diskriminasi

Program kesedaran masyarakat untuk mendidik masyarakat tentang kepelbagaiannya dalam Islam dan mengurangkan diskriminasi terhadap muallaf. Sesi ramah mesra turut perlu diadakan untuk membina hubungan yang lebih harmoni antara pendakwah wanita muallaf dan komuniti setempat.

8. Pemanfaatan Teknologi dan Media

Mengaktifkan platform media sosial untuk berkongsi maklumat, ceramah, dan aktiviti yang mendidik serta memberi insipirasi tentang pendakwah wanita muallaf atau pendakwah wanita yang bukan dari bangsa Melayu. Membangun website atau aplikasi yang menyediakan sumber pembelajaran, forum diskusi, dan bantuan langsung kepada muallaf khususnya wanita.

Kerangka pemerkasaan ini diringkaskan dan dipersembahkan seperti rajah 3 berikut.



Rajah 3: Kerangka Pemerkasaan Pendakwah Wanita Muallaf

Penutup dan Cadangan

Kajian ini telah merekodkan profil terperinci latar belakang kehidupan dan pengalaman pendakwah wanita dalam kalangan muallaf di Negeri Sembilan supaya dapat didokumenkan dalam bentuk analisis akademik. Ianya menyumbang kepada data dalam arena kajian muallaf yang secara khusus kepada wanita yang menjadi pendakwah. Kepelbagaiannya dalam latar belakang sosiodemografi mempengaruhi kekuatan, strategi dan cabaran yang dilalui dalam melaksanakan kerja-kerja dakwah. Dalam konteks sampel kajian ini, pendakwah wanita muallaf di Negeri Sembilan memerlukan pemerkasaan lebih lanjut dalam bentuk sokongan institusi dan latihan profesional. Manakala secara umum, kerangka pemerkasaan yang dibangunkan boleh digunakan sebagai panduan untuk meningkatkan keberkesanannya dan menyokong pendakwah wanita muallaf. Kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan pihak yang berkaitan dalam menambah baik sokongan dalam merancang strategi yang lebih baik untuk pembangunan pendakwah wanita terutamanya dalam kalangan muallaf. Sebagaimana kekangan dalam kajian lepas berkaitan data kajian berkaitan

muallaf khususnya wanita yang menjadi aktivis dakwah, maka kajian ini membantu memperkaya bahan literatur untuk rujukan pengkaji yang berminat dalam tema kajian ini. Kajian akan datang boleh diperkayakan lagi dengan variasi metodologi yang lebih kompleks, data yang lebih besar serta lokasi yang lebih meluas dengan pendekatan analisis yang pelbagai.

Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh dana Geran Penyelidikan Sepadan USIM 2023 dengan kod penyelidikan, USIM/MG/UMS/FKP/SEPADAN-K/72523. Idea penyelidikan ini juga telah dianugerahkan anugerah emas dalam pertandingan *Innovation Bank Challange* (IBC) 2024.

Konflik Kepentingan

Penulis mengisyiharkan tiada konflik kepentingan pada penulisan ini.

Rujukan

- Abd. Majid, M. b., Abdullah, M. Y. M., & Ismail, S. (2017). Faktor Dorongan Mualaf Memeluk Islam: Kajian di Negeri Selangor Darul Ehsan. 1–16. 14 November 2024. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/356739248_Exceptional_Cases_of_Fusion_and_I-position_in_the_Self_differentiation_Framework_Among_the_Malaysian_Chinese_Muslim_Converts
- Abdul Rahman, A., Muhammad, S. @ H., Sireh, N. H., & Md. Yusoff, Y. (2020). Komunikasi Silang Budaya Muallaf Cina di Selangor. e-Prosiding Seminar Antarabangsa Zakat, Wakaf dan Filantropi Islam, 124. Jakarta: Badan Amil Zakat Nasional (Puskas BAZNAS), 123(2), 124-137.
- Adi Syahid, M. A., et al. (2019). Quality of Life Satisfaction Among Converted Kelantan Chinese Muslims. Asian Ethnicity, 21(2), 292-304.
- Ahmad, A. W., & Abd Rahman, N. N. H. (2020). Sokongan Sosial: Satu Keperluan Dalam Pemerksaan Saudara Baru: Social Support: A Need for Empowerment New Muslims. Jurnal Pengajian Islam, 13(2), 238–253.

- Ahmad@Yunus, R., Yaacob, E. B., & Yahaya, A. M. (2022). Pelaksanaan Pendekatan Dakwah Guru Pembimbing Kelas Fardu Ain Muallaf (KFAM) di Selangor. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 8(1), 171-188.
- Arifin, Q., & Safinah. (2013). Mualaf: Kajian Terhadap Ustaz Mohd. Farhan Bin Abdullah. Prosiding Persidangan Antarabangsa Pembangunan Mualaf 2013 (ICMuD 2013), 67-76. 14 November 2024. Retrieved from https://www.ukm.my/hadhari/wp-content/uploads/2014/09/ICMuD2013_Proiscing.pdf#page=75
- Asmahanim, N., & Osman, K. (2022). Etika Muslimah dalam Berdakwah di Media Sosial. Seminar Dakwah & Wahdah Al-Ummah 2022, 1-22. 14 November 2024. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/362230760_ETIKA_MU SLIMAH_DALAM_BERDAKWAH_DI_MEDIA_SOSIAL
- Awang, A., Ismail, C. Z., & Mahmud, W. (2017). Isu-Isu Pemakanan Halal: Kajian Kes Dalam Hubungan Komuniti Saudara Baru Dan Bukan Muslim Di Negeri Terengganu: Halal Food Issues: Case Study in New Muslims and Non-Muslims Community Relations in Terengganu. *‘Abqari Journal*, 11(1), 139-153.
- Awang, A., & Khambali, K. M. (2015). Faktor Pemelukuan Agama Islam: Kajian Terhadap Komuniti Saudara Muslim Cina di Negeri Terengganu. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*, 22, 21-45.
- Chuah, O. (2002). Non-Muslim Chinese Fear of Islam in Malaysia: An Analysis. *Jurnal Usuluddin*, 15, 97-108.
- Daud, A. S. C., & Abdullah, B. (2020). Keperluan Pendakwah Muslimah dalam Dakwah Kontemporari kepada Masyarakat. *Islam Universalia: International Journal of Islamic Studies and Social Sciences*, 1(3), 370-399.
- Guleng, M. P., Muhamat@Kawangit, R., & Mohamad, A. D. (2014). Penyesuaian Diri Muallaf Terhadap Masyarakat dalam Kalangan Pelajar Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP). *Jurnal Al-Hikmah*, 6, 78-93.
- Hanani, N. N., Nadhirah, & Hamjah, S. H. (2023). Analisis Tinjauan Literatur Keperluan Sokongan Sosial Dalam Pemerkasaan Saudara Baru (Mualaf) Wanita. *Proceeding International Seminar on Da’wah IV (ISOD IV) 2023*, 1-13. 14 November 2024. Retrieved from

https://d1wqxts1xzle7.cloudfront.net/110830275/Jurnal_Prosidings_ISOD_2023-libre.pdf

- Hayaati, S., & Nurhidayah. (2022). Mualaf Di Malaysia: Isu Dan Penyelesaian Pentadbiran Oleh Majlis Agama Islam Selangor. *Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies*, 40(1), 133-155.
- Ibn Mājah, (2008). Sunan Ibnu Mājah. Lubnan: Darul Kutub Al-‘Ilmiyah.
- Ibrahim, H. (2015). Wanita: Hala Tuju dan Cabaran dalam Dakwah. 1-7. 30 September 2024. Retrieved from <https://www.yumpu.com/id/document/read/48001925/wanita-hala-tuju-dan-cabaran-dalam-dakwah-jabatan-kemajuan>
- Irdina, N., & Noriza. (2021). Analysis of Gender Income Gap in Malaysia (Analisis Jurang Pendapatan Antara Jantina di Malaysia). *Journal of Quality Measurement and Analysis (JQMA)*, 17(1), 49-59.
- Ismail, S., Amran, A. A., & Nasir, B. M. (2019). Peranan Datin Rusmiati Harun Dalam Dakwah. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2018*, 485-496. 14 November 2024. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/330212651_Prosidings_Persidangan_Antarabangsa_Sains_Sosial_dan_Kemanusiaan
- Jamilah, J., Sellyianasari, B. M. Y., Erik Sabti, R., & Melinda, A. (2023). The Strategy of the Islamic Welfare Organization Malaysia (PERKIM) in Managing Mualaf Family Conflicts in Malaysia. *De Jure: Jurnal Hukum dan Syari'ah*, 15(1), 115-128.
- Kawi, K., & Tan Abdullah @ Tan Ai Pao, N. A. M. (2020). Isu dan Cabaran Saudara Kita di Jabatan Agama Islam Sarawak [Issues and Challenges Mualaf in the Sarawak Islamic Religious Department]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(2), 28–43.
- Kloos, D. (2021). Risky Appearances, Skillful Performances: Female Islamic Preachers and Professional Style in Malaysia. *American Anthropologist*, 123(2), 278–291.
- Latif, M. (2018). Asghar Ali Engineer Dan Reformulasi Makna Tauhid. *Aqidah-ta: Jurnal Ilmu Aqidah*, 4(1), 131-148.
- Masyaa'il Tan, N. A., & Harun, N. (2023). Cabaran Psikologi Pendakwah Mualaf di Malaysia (The Psychological Challenges of Convert Preacher in Malaysia). *International Journal of Contemporary Education, Religious Studies and Humanities*, 3(4), 8-18.
- Meerangani, K. A., Mat Joharb, M. H., & Abdul, M. F. (2022). Persepsi Masyarakat Non-Muslim Terhadap Prinsip Asas Islam: Perception

- of Non-Muslim Communities on the Basic Principles of Islam. Online Journal of Research in Islamic Studies, 9(1), 77–88.
- Mohd Noordin, F. S., Yusuf, M., & Paad, N. S. (2019). Cabaran Kontemporari di Era Globalisasi dalam Pengurusan Masyarakat oleh Pendakwah Selebriti Wanita di Malaysia. Journal of Usuluddin, 47(2), 93–114.
- Norizan, & Nadiyah, S. (2019). Proses Penyesuaian Perubahan yang Dilalui oleh Saudara Muslim: Satu Kajian Kes di Negeri Kedah Darul Aman. Journal of Sciences and Management Research, 61-86. 14 November 2024. Retrieved from https://www.researchgate.net/profile/NorizanYusof/publication/334193792_Journal_Vol2_Apr2018_06/links/5d1c6623a6fdcc2462baed39/Journal-Vol2-Apr2018-06.pdf
- Nurjannati, S., & Muhamat @ Kawangit, R. (2020). Analisis Ringkas Impak Dakwah kepada Golongan Muallaf di Hulu Langat, Selangor. International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences, 3(2), 110-123.
- Omar, M. N. (2016). Teori dan Konsep Pengurusan Dakwah: Satu Tinjauan Awal. Jurnal Ilmi, 1(1), 149-168.
- Rasip, Z. M., & Ab Razak, M. S. (2024). Faktor Pemelukan Agama Islam: Kajian Terhadap Mualaf di Sabah. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 9(10), 1-14.
- Richardson, C., Vigoureux, T., & Lee, S. (2020). Emotional Tone of Dreams and Daily Affect. Innovation in Aging, 4(1), 427.
- Samuri, M. A. A., & Khan, A. S. N. 2021. Legal Literacy for Muslim Converts in Malaysia. Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities, 29(3), 1057–1073.
- Wiles, A. L. (2021). One Female Preacher's Exploration of Preaching Performance, Listener Expectations, and Emotion. Digital Commons @ Luther Seminary, 1-156. Retrieved from https://digitalcommons.luthersem.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=1071&context=dmin_theses
- Yahya, S. A., Abdullah, N., Mamat, S., Alias, A., & Johari, N. A. (2021). Hubungan Penghayatan Agama dan Sokongan Sosial Terhadap Tekanan dalam Kalangan Mualaf di Melaka. Jurnal 'Ulwan, 6(1), 22-38.
- Zebiri, K. (2008). The Redeployment of Orientalist Themes in Contemporary Islamophobia. Studies in Contemporary Islam, 10(1–2), 4–44.

**Kerangka Pemerkasaan Pendakwah Wanita Muallaf Di Negeri Sembilan
Melalui Analisis Profil Terperinci** 30

Zulfikaar, M., & Zaifuddin. (2024). Cabaran Mualaf Di Malaysia Dan Cadangan Penyelesaian. Jurnal Pengajian Islam, 16(1), 121-132.